

INSTRUMEN HIBAH DALAM PENGURUSAN HARTA ISLAM: SATU TINJAUAN AWAL TERHADAP PENGURUSAN AGIHAN HIBAH DI INSTITUSI TABUNG HAJI (TH)

Nurfarhana Mohd Daud

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor
nurfarhana0953@uitm.edu.my

Saidin Wan Ismail

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor
saidi364@uitm.edu.my

Zaluddin Sulaiman

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
zaluddin@uitm.edu.my

Sidek Abdullah

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor
sidek973@uitm.edu.my

Mohd Asyadi Redzuan

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor
mohda131@uitm.edu.my

ABSTRAK

Instrumen Hibah adalah instrumen yang mengamalkan konsep tabaru'at di mana dalam konteks muamalat ialah konsep pemberian tanpa mengharapkan balasan yang mana ia melibatkan satu pihak sahaja yang memberi dan satu pihak lagi menerima tanpa syarat dan balasan. Lantaran tersebut, terdapat masyarakat yang keliru dan menganggap bahawa hibah, hadiah, sedeqah dan *al-ata'* mempunyai maksud yang sama sedangkan dari sudut *trend* pemikiran fuqaha adalah berbeza. Oleh itu, permasalahan kajian yang akan diketengahkan dalam penyelidikan ini adalah memahami lebih mendalam aplikasi instrumen hibah yang digunapakai dalam Sistem Kewangan Islam yang mana pemerhatian tersebut difokuskan kepada Institusi Tabung Haji. Kajian ini memberi penjelasan dengan lebih lanjut berkenaan proses pemakaian dan pembahagian hibah yang dijalankan oleh Intitusi Tabung Haji agar masyarakat lebih jelas berkenaan pemakaian prinsip hibah yang dijalankan antara pendeposit dan Institusi Tabung Haji itu sendiri. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan daripada data sekunder iaitu buku, kitab turath dan jurnal dari pelbagai medium elektronik dan bukan elektronik. Hasil kajian yang diperolehi bahawa proses pelaksanaan kontrak yang digunapakai oleh Tabung Haji dengan pendeposit adalah kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah yang bererti kontrak pinjaman wang. Maka dengan itu

hadiah dan jumlahnya mestilah diberi secara tanpa paksa dan sukarela oleh pemberi hadiah bagi mengelakkan elemen riba.

Kata kunci: Hibah, Hadiah, Tabung Haji, Kewangan

***HIBAH INSTRUMENTS IN ISLAMIC PROPERTY MANAGEMENT: AN
EARLY REVIEW OF HIBAH DISTRIBUTION MANAGEMENT IN
TABUNG HAJI INSTITUTIONS (TH)***

ABSTRACT

Hibah instrument is an instrument that adopts the concept of tabaru'at where in the context of muamalat is the concept of giving without expecting a return which involves only one party giving and the other party receiving without conditions and rewards. Therefore, there are people who are confused and think that hibah, gifts, sedeqah and al-ata 'have the same meaning while from the point of view of the trend of thinking fuqaha is different. Therefore, the problem of the study that will be highlighted in this research is to understand more deeply the application of hibah instruments used in the Islamic Financial System where the observation is focused on Tabung Haji Institutions. This study provides further explanation on the process of application and distribution of hibah carried out by Tabung Haji Institutions so that the community is clearer about the application of hibah principles carried out between depositors and Tabung Haji Institutions themselves. This research uses library research methods from secondary data namely books, turath books and journals from various electronic and non-electronic mediums. The result of the study obtained that the process of implementing the contract used by Tabung Haji with the depositor is the contract of Wadi'ah Yad Dhamanah which means money loan contract. Therefore, the gift and the amount must be given voluntarily and voluntarily by the gift giver to avoid the element of usury.

Keywords: Hibah, Gifts, Tabung Haji, Finance

PENGENALAN

Hibah di dalam istilah syara' ialah satu 'aqad yang dapat memindah milik sesuatu tanpa perlu menukar ganti, kerana dibuat secara sukarela. Mazhab Hanbali mentakrifkan dengan maksud, pemindahan milik barang pemberian yang harus diselenggara atau digunakan pada harta yang diketahui atau sukar diketahui, ada yang berkuasa menyerahkannya, bukan perkara wajib di dalam kehidupan tanpa menggantikan dengan sesuatu yang mana dari segi 'uruf hibah dapat dikira daripada lafaz hibah (pemberian) dan memberi hakmilik dan seumpamanya. Ia bukan berbentuk pinjaman, nafkah isteri, wasiat dan juga jual beli. Perkataan memindah milik bukan termasuk makna pinjaman, harta benda

dan bukan bermaksud yang selain harta benda seperti anjing. Selain itu, hibah juga adalah yang berkuasa untuk diserahkan, bukan perkara wajib iaitu hutang dan nafkah, di dalam kehidupan tidak termasuk wasiat dan tanpa mengganti bukan termasuk ‘aqad pertukaran seperti jual beli.

Permasalahan yang akan diketengahkan dalam penyelidikan ini adalah memahami lebih mendalam aplikasi instrumen hibah yang digunapakai dalam Sistem Kewangan Islam yang mana pemerhatian tersebut difokuskan kepada Institusi Tabung Haji. Kajian ini memberi penjelasan dengan lebih lanjut berkenaan proses pemakaian dan pembahagian hibah yang dijalankan oleh Intitusi Tabung Haji agar masyarakat lebih jelas berkenaan pemakaian prinsip hibah yang dijalankan antara pendeposit dan Institusi Tabung Haji itu sendiri. Secara tidak langsung, kajian ini juga untuk memahami asas kepada wujudnya perbezaan pemikiran fuqaha’ terhadap aspek-aspek penting dalam instrumen hibah. Antara aspek aspek penting yang akan disentuh adalah *term* hibah, hadiah, sedeqah dan *al-ata’*. Ramai masyarakat beranggapan *term* tersebut mempunyai maksud yang sama iaitu hibah. Sedangkan dari sudut *trend* pemikiran fuqaha setiap *term* tersebut mempunyai maksud dan syarat yang berbeza. Hasil kajian yang diperolehi bahawa proses perlaksanaan kontrak yang digunapakai oleh Tabung Haji dengan pendeposit adalah kontrak Wadi’ah Yad Dhamanah yang bererti kontrak pinjaman wang. Maka dengan itu hadiah dan jumlahnya mestilah diberi secara tanpa paksa dan sukarela oleh pemberi hadiah bagi mengelakkan elemen riba.

KONSEP HIBAH

Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), menyatakan hibah bermaksud :⁶⁷

(التَّمْلِيكُ) لِعَيْنٍ (بِلا عَوْضٍ) فِي حَالِ الْحَيَاةِ تَطَوُّعًا

“Memindahkan pemilikan suatu barang tanpa bayaran (atau meminta balasan) ketika hidup secara sukarela (bukan atas dasar kewajipan)”

Takrifan ini telah meletakkan had-had tertentu yang melarang unsur-unsur lain daripada masuk ke dalam takrifan ini sepertimana berikut:⁶⁸

⁶⁷ Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), Mughni al-Muhtaj, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

⁶⁸ *Ibid.*

Jadual 1: Takrifan hibah yang melarang unsur-unsur tertentu.

التَّمْلِيكُ	Perkataan ini telah mengeluarkan kontrak <i>ariyah</i> , waqaf & <i>diyah</i> daripada termasuk dalam kategori hibah atau termasuk dalam definisi ini.
لِعَيْنٍ	Begitu juga dengan perkataan ' <i>ain</i> ' telah mengeluarkan <i>dayn</i> (hutang) & manfaah.
بِأَلَا عَوْضٍ	Begitu juga dengan perkataan ini telah mengeluarkan kontrak jual beli
فِي حَالِ الْحَيَاةِ	Wasiat kerana ia dilaksanakan selepas kematian pewasiat
تَطَوُّعًا	Zakat, kafarah & seumpama dengannya kerana ianya merupakan pemberian yang wajib dikeluarkan.

Sumber: Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), Mughni al-Muhtaj, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

Jadual 2: Sorotan literatur berkenaan konsep hibah

al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (1985), ⁶⁹	Istilah hibah menurut fuqaha' mazhab Shafii, istilah hibah boleh dilihat daripada dua perspektif. Pertama, dari perspektif umum bermaksud suatu pemberian yang merangkumi hadiah (pemberian dengan niat memuliakan seseorang), sedekah (pemberian dengan mengharapkan ganjaran Allah S.W.T.) dan <i>ibra'</i> (pelepasan hutang oleh pemiutang). Manakala yang kedua dari perspektif khusus pula, hibah bermaksud pemberian suatu milikan oleh seseorang kepada yang lain tanpa balasan yang tertakluk kepada rukun-rukun. Ada juga fuqaha' Shafi'i yang mentakrifkan hibah sebagai suatu akad pindah milik sesuatu barang secara sukarela semasa hidup.
Teungku Muhammad Hasbi, ash- Shiddieqy (1995), ⁷⁰	Hadiah dan sedekah hanya dinyatakan oleh pendapat mazhab Imam Syafi'e. Sesungguhnya, pendapat Imam Maliki, Hambali dan Hanafi tidak menyatakan sama sekali berkenaan dengan hadiah dan sedekah.
M. Abdul Mujieb, Mabruari Tholhah dan Syafi'ah Am (1997), ⁷¹	Hadiah menurut istilah ialah pemberian kepada seseorang yang semata - mata untuk menghormatinya tanpa mengharapkan balasan baik dari yang diberi hadiah mahupun dari Allah. Sedekah jariah membawa erti sedekah yang pahalanya terus mengalir selama mana benda yang disedekahkan itu masih ada. Dan barangkali sedekah jenis inilah yang terbaik dengan alasan pahala. Istilah lain yang terdapat dalam al - Quran yang membawa maksud yang sama dengan sedekah ialah infaq.

⁶⁹ Al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (1985), al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab (Juz 1- Juz 9 oleh al-Nawāwī, Juz 10-Juz 12 oleh 'Alī b. 'Abd al-Kāfi al-Subki dan Juz 13-Juz 20 oleh Muhammad Najib al-Muti'i), Beirut: Dār al-Fikr.

⁷⁰ Teungku Muhammad Hasbi, ash-Shiddieqy, (1995), Empat Mazhab Al-Islam 2. Kuala Krai, Kelantan.

⁷¹ M. Abdul Mujieb, Mabruari Tholhah dan Syafi'ah Am (1997), Kamus Istilah Fiqh. Advance Publication

<p>Syeikh Zainudin Bin Abdul Aziz Al – Malbariy (2008),⁷²</p>	<p>Hadiah ialah hibah yang pemberinya dengan cara mengantarkan kepada yang diberi untuk memuliakannya. Hadiah juga tidak disyaratkan adanya ijab dan qabul sekalipun bukan berbentuk makanan. Bahkan hadiah cukup dengan pemberi memberikan dan yang diberi mengambilnya. Hibah, hadiah dan sedekah hukumnya sunat. Dan yang paling afdhal adalah sedekah.</p>
<p>Mohd Zamro Muda. (2008),⁷³</p>	<p>Hibah pada istilah syarak ialah suatu akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan dan secara lebih spesifik lagi, hibah ialah suatu akad pemberian harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (<i>iwad</i>) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya.</p>
<p>Noor Lizza Mohamed Said (2012),⁷⁴</p>	<p>Para fuqaha mempunyai pelbagai takrifan hibah antaranya menurut mazhab Hanafi ia adalah pemberian milik ‘<i>ayn</i> harta tanpa balasan. Mazhab Maliki mentakrifkan hibah sebagai pemberian milik ketika hidup tanpa balasan. Mazhab Shafi‘i berpendapat hibah adalah pemberian milik ‘<i>ayn</i> harta tanpa balasan ketika hidup secara sukarela. Manakala mazhab Hanbali mentakrifkan sebagai pemberian milik suatu harta ketika hidup tanpa balasan secara sukarela atau sumbangan oleh orang yang boleh menguruskan hartanya dengan memberi milik hartanya yang diketahui atau tidak diketahui.</p>
<p>Muhammad Nasri et al, (2013),⁷⁵</p>	<p>Konsep hibah merupakan konsep pemberian atau <i>tabarru`</i> dalam muamalat Islam. Hibah secara ringkasnya bermaksud pemindahan hak milik atau pemberian sesuatu barang dengan tidak mengharapkan pulangan mahupun tukaran serta tidak ada tujuan di sebalik pemberian itu. Apa sahaja yang sah dijual beli boleh dijadikan hibah.</p>
<p>Alias Bin Azhar (2014),⁷⁶</p>	<p>Perbincangan adalah berkenaan kadar atau had hibah yang dibenarkan. Secara prinsipnya tiada had atau kadar tertentu dalam akad hibah. Harta adalah milik penuh pemberi hibah maka tidak ada halangan kepada pemilik untuk menghibahkan sebahagian atau semua hartanya.</p>

⁷² Zainudin Bin Abdul Aziz al-Malbariy (2008), Fathul Mu‘in. Perniagaan Jahabersa.

⁷³ Mohd Zamro Muda. (2008). Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia. *Kertas kerja Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008*.

⁷⁴ Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor (2012), Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 3 (2012) 309-328.

⁷⁵ Muhammad Nasri Hussain, Nasri Naiimi dan Mohd Sollehudin (2013), *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*, Sintok: UUM Press.

⁷⁶ Alias Bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, dan Fauziah Mohd Noor (2014), Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia, *Journal of Human Development and Communication*. Volume 3: UNIMAP.

Secara ringkasnya, dapat kita rumuskan berkenaan konsep hibah adalah pemberian atau *tabarruat* dari pemberi kepada penerima tanpa mengharapkan balasan ketika pemberi masih hidup. Ia berbeza dengan kontrak *ariyah*, *dayn*, wasiat, zakat dan kafarah di mana ia adalah suatu kewajipan sama ada pada situasi pemberi atau penerima. Fungsi hibah adalah untuk memuliakan pemberi serta menghubungkan perasaan kasih sayang dan silaturahim antara sesama manusia.

DALIL PENSYARIATAN HIBAH

Asas hukum hibah didasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:⁷⁷

“Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa. Dan janganlah kamu sekalian tolong menolong atas sesuatu dosa dan permusuhan”. (Al- Maidah: 2).

Imam Abi Zakariya Mahyaddin bin Syaraf An-Nawawi (2000), dalam kitabnya menyatakan asas hibah dari al-Sunnah dapat dirujuk pada hadith dari Abu Hurairah, r.a., ia berkata Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud⁷⁸:

“Saling beri hadiahlah kamu dan saling berhibahlah sesamamu.”

Dalam hadith yang lain Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang membawa maksud:⁷⁹

“Orang-orang yang berbuat belas kasih terhadap sesama maka akan Allah mengasihinya, belas kasihlah terhadap makhluk yang ada di bumi, maka kamu akan dikasihi oleh makhluk yang ada di langit, belas kasih itu amat disukai Allah maka Allah akan melimpahkan sifat rahmatnya kepadanya dan barang siapa yang memutusnya maka Allah memutus sifat rahmatnya kepadanya”.

Daripada hadith di atas dapat difahami bahawa di dalam hibah terdapat silaturrahim iaitu menjalin hubungan kekerabatan, adapun orang yang mencintai tidak boleh diskriminasi atau condong terhadap salah satu anaknya dalam setiap pemberiannya. Hibah adalah perbuatan yang baik kerana didalamnya terdapat sebab yang akan menimbulkan rasa saling mengasihi satu sama lain. Hibah dan hadiah itu hukumnya sunnah kerana didalamnya hanya mengharapkan redha Allah. Menimbulkan cinta kasih semua, serta menghilangkan permusuhan.

⁷⁷ Al-Quran al-Karim, Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman

⁷⁸ Imam Abi Zakariya Mahyaddin bin Syaraf An-Nawawi(2000), Al-Majmu' Syarhu Al-Muhazab, Lebanon: Darul Fikr, Beirut.

⁷⁹ *Ibid.*

Kenyataan disokong oleh hadith yang diriwayatkan oleh Anas r.a., telah berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:⁸⁰

“Saling berhadiahlah kamu, sebab hadiah itu dapat menghilangkan sifat dengki”.

PERBEZAAN HIBAH, HADIAH, SEDEQAH DAN AL-‘ATA

Menurut Imam Abi Zakariya Mahyaddin bin Syaraf An-Nawawi (2000),⁸¹ perkataan hibah saling berkaitan dengan *athiyah*, hadiah dan sedekah. Dalam hal ini *athiyah* dianggap meliputi hibah, hadiah dan sedekah. Hibah pula meliputi sedekah dan hadiah. Hadiah dan sedekah berbeza berdasarkan tindakan Rasulullah s. a. w. yang memakan harta hadiah tetapi tidak harta sedekah. Keduanya berbeza dari segi tujuan pemberian dan keadaan penerima. Tujuan sedekah adalah untuk mendekatkan diri dengan Allah dan penerimanya dari kalangan orang berhajat kepada pemberian tersebut. Manakala hadiah diberikan dengan tujuan merapatkan hubungan sesama manusia dalam bentuk kasih sayang. Semua elemen di atas dapat dikesan menerusi petikan-petikan berikut:⁸²

“Hibah mencakupi hadiah dan sedekah kerana hibah, sedekah, hadiah, dan athiyah mempunyai makna yang hampir sama. Jika seseorang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah dengan memberikan sesuatu kepada orang yang memerlukan maka itu adalah sedekah, jika sesuatu tersebut dibawa pada orang yang layak mendapatkan hadiah sebagai penghormatan dan untuk menciptakan keakraban, maka itu adalah sedekah. Jika tidak untuk kedua tujuan itu maka itu adalah hibah. Sedangkan athiyah adalah pemberian seseorang yang dilakukan ketika dia dalam keadaan sakit menjelang kematian”.

“Perbezaan sedekah dan hibah, tujuan hibah adalah untuk memperbaiki keadaan orang tua dengan anak (atau antara sesama), dan terkadang kemaslahatan itu berada dalam pengembalian dalam hibah. Sedangkan dalam sedekah bertujuan untuk mencari pahala maka tidak boleh adanya kembali (atau ganti) dalam sedekah tersebut”.

“Pengertian hibah menurut syarak adalah sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab Mughni Muhtaj iaitu memberikan hak milik atau benda tanpa mengharap ganti yang dilakukan secara suka rela ketika pemberi masih hidup untuk melaksanakan sunah.”

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ *Ibid.*

⁸² *Ibid.*

Manakala Prof Dr. Muhammad Az Zuhaili (2009),⁸³ mengatakan hibah dengan *'atiyah*, hadiah dan sedeqah tersebut saling hampir maknanya. Semuanya bermaksud pemilikan masa hidup tanpa ada gantinya secara *tattawwu'*. *'Atiyah* membawa makna menyeluruh terhadap pemilikan sahaja sedangkan hibah bermaksud pemilikan tanpa ganti secara mutlak samada diberikan kpd orang kaya, miskin, mengharapkan ganjaran pahala atau tidak, adanya pemindahan barang atau tidak. Hadiah pula dari segi maknanya ialah pemberian sesuatu kepada seseorang dengan rasa hormat, memuliakan, kerana sebab kecintaan. Manakala *term* sedeqah (*tatawwu'*) memberikan pemilikan kpd orang yang memerlukan yang mana mengharapkan pahala Allah. Hadiah tidak masuk pada bangunan sebab bangunan tidak boleh dibawa dan dipindahkan. Hadiah dan sedeqah lebih khusus dari hibah, setiap hadiah dan sedeqah adalah hibah. Ada perbezaan sedeqah, hibah dan hadiah bagi Nabi. Nabi tidak menerima sedeqah.

Pandangan daripada al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000),⁸⁴ & Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994),⁸⁵ adalah Imam al-Syafie telah membahagikan *al-atiyyah* (pemberian) itu kepada pemberian yang dikaitkan dengan kematian contohnya wasiyah dan pemberian yang dilakukan ketika hidup *tamlik mahdi*; hibah, hadiah, sedeqah dan keduanya adalah waqaf. Hadiah & sedeqah merupakan sebahagian ataupun jenis daripada hibah. Jadi boleh dikatakan hibah lebih umum daripada hadiah & sedeqah. Setiap hadiah & sedeqah itu adalah hibah akan tetapi bukan semua hibah itu adalah hadiah & sedeqah. Implikasinya, sekiranya seseorang itu bersedekah tidak akan melakukan hibah, kemudian dia bersedekah maka sumpahnya terbatal. Namun, tidak sebaliknya. Para fuqaha telah menggariskan beberapa ciri hadiah dan sedeqah seperti berikut :

Jadual 3: Ciri-ciri hadiah dan sedeqah

Hadiah	<p>a) Barang yang dihadiahkan bersifat boleh alih (<i>movable</i>) iaitu boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain. Justeru, harta tak alih seperti tanah tidak termasuk dalam objek hadiah.</p> <p>b) Diberikan dengan bertujuan untuk memuliakan atau memberi penghormatan kepada seseorang. (Sebahagian fuqaha mazhab menetapkan elemen ini sebagai ciri-ciri hadiah untuk membezakannya dengan rasuah).</p>
Sedeqah	<p>a) Sesuatu yang diberikan kepada seseorang yang berada dalam keadaan yang sangat memerlukan.</p> <p>b) Diberikan bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah</p>

⁸³ Prof.Dr.Muhammad Az Zuhaili, (terj.Muhammad Yusof, Muhammad Harun Zain), (2009), Al Muktamad, Fiqh Imam Shafi'I, Jilid 3, Berlian Publications, Sdn Bhd, Selangor, m.s. 167 – 184.

⁸⁴ al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000), Rawdhah al-Thālibīn, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

⁸⁵ Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), Mughni al-Muhtaj, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

	s.w.t serta mendapatkan pahala. (Sebahagian fuqaha hanya mengambilkira ciri ini sahaja, justeru boleh bersedeqah kepada golongan kaya).
--	---

Sumber: Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), Mughni al-Muhtaj, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

Disyaratkan bagi hibah, ijab & qabul kerana diqiyaskan kepada jual beli. Walaubagaimanapun terdapat pengecualian bagi kes-kes tertentu seperti hibah *dhimiyah*, pembelian barang perhiasan oleh bapa atau wali untuk anaknya dan lain-lain. Didapati pengecualian berlaku dengan melihat kepada konsep-konsep tertentu seperti wilayah dan uruf. Bagi fuqaha yang menerima *bay al-mu'atah*, justeru mereka menerima hibah tanpa lafaz ijab & qabul. Bagi hadiah & sedeqah pula, tidak disyaratkan ijab & qabul menurut pendapat yang sah.

Fuqaha mazhab turut melihat kepada makna berbanding kata-kata literal. Contohnya, “Saya berikan baju ini kepada awak”, boleh jadi ia merujuk kepada *atiyah* dan bukannya hibah. Begitu juga dengan hibah hutang dan manfaah yang dianggap oleh fuqaha mazhab sebagai *ibra* dan *ariyah*.

Fuqaha mazhab mengikat kuat hibah dengan jualbeli sehingga mereka membina parameter ‘Apa-apa yang boleh dijual beli, maka boleh dihibahkan’. Walaubagaimanapun terdapat beberapa pengecualian disebabkan antaranya faktor darurat serta tabiat hibah itu sendiri yang bersifat *tabarru'at*.

Qabd (taking possession) merupakan syarat *luzum* yang menjadikan hibah itu ‘binding’ atau mengikat. Sebagaimana kontrak *qard* yang memerlukan kepada *qabd*.

Wahbah Zuhaili (1976)⁸⁶, dari kitab Usul al-Fiqh pula berpendapat hibah (pemberian) mencakupi hadiah dan sedekah kerana hibah, sedekah, hadiah dan ‘*atiyyah* membawa makna yang hampir sama. Jikalau memberi sesuatu kepada orang yang memerlukan dengan tujuan mahu mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, ini dipanggil sedekah. Jikalau menyampaikan sesuatu kepada orang yang dihadihkan kerana sesuatu penghargaan dan kasih sayang kepadanya disebut hadiah ataupun hibah (pemberian). ‘Atiyyah ialah pemberian di kala sakit.

PENGURUSAN AGIHAN HIBAH DI INSTITUSI TABUNG HAJI

Kajian ini akan mengambil satu contoh di mana terdapat isu berkenaan kadar hibah Tabung Haji bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 1.25%. Dari sudut kontrak dalam fiqh muamalat, kontrak syarah yang digunapakai oleh Tabung Haji dengan penyimpan adalah Wadi’ah Yad Dhamanah yang bererti kontrak pinjaman wang. Maka hadiah dan jumlahnya mestilah diberi secara tanpa paksa dan sukarela oleh pemberi hadiah bagi mengelakkan elemen riba. Hal ini juga telah diteliti oleh Majlis Penasihat Syariah Tabung Haji. Berpegang kepada Akta Tabung Haji, menurut CEO Tabung Haji Datuk Seri Zukri Ab Samat dalam sidang media pengumuman hibah, akta Tabung Haji menghadkan pemberian hanya pada lebihan (*surplus*) aset berbanding liabiliti. Ini bermakna walaupun keuntungan

⁸⁶ Al-Zuhayli, Wahbah (2004), al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, Damsyik: Dār al-Fikr.

semasa Tabung Haji adalah RM2.014 bilion, tetapi jumlah yang boleh diagihkan berdasarkan Akta Tabung Haji bagi memastikan agar liabiliti tidak melebihi aset hanyalah RM913 juta sahaja. Maka dengan situasi ini jumlah yang membentuk 1.25 % hibah bagi tahun 2018.⁸⁷ Jadual berikut merupakan agihan hibah Tabung Haji bagi tahun 2017-2019:

Jadual 4: Jadual agihan hibah Tabung Haji

Tahun	Peratus agihan hibah
2017	6.25%
2018	1.25 %
2019	3.05%

Sumber:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/385825/tabung-haji-umum-bonus-625-peratus>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/549172/tabung-haji-umum-hibah-125-peratus>

<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/maklumat-am/agihan-keuntungan-th>

Daripada jadual dapat kita lihat bahawa agihan keuntungan tahun 2019 lebih tinggi berbanding hibah tahun 2018. Agihan keuntungan yang lebih baik ini didokong oleh prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik dan dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos secara berhemah.

Bagi tahun kewangan 2019, TH berjaya menjana pendapatan pelaburan berjumlah RM3.3 bilion. Secara keseluruhan, pendapatan pelaburan yang dijana TH adalah lebih stabil di mana pelaburan aset pendapatan tetap menjana 58% pendapatan atau sebanyak RM1.9 bilion manakala pelaburan hartanah, ekuiti dan instrumen pasaran wang masing-masing menyumbang RM0.5 billion (15%), RM0.5 bilion (15%) dan RM0.4 bilion (12%). Dengan pengurusan kos yang berhemah, TH telah berjaya mencatat keuntungan selepas zakat bagi tahun kewangan 2019 berjumlah RM1.9 bilion iaitu peningkatan 19% atau RM0.3 bilion berbanding RM1.6 bilion bagi tahun kewangan 2018. Di samping itu, kedudukan kewangan TH yang lebih kukuh dengan jumlah aset melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM2.9 bilion (sebelum agihan keuntungan kepada pendeposit) membolehkan agihan keuntungan yang lebih tinggi bagi tahun kewangan 2019.

Akta Tabung Haji

Agihan keuntungan kepada pendeposit adalah berdasarkan prestasi dan kemampuan kewangan Tabung Haji tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995.

Agihan keuntungan kepada pendeposit adalah selepas mengambilkira zakat. Tabung Haji membayar zakat bagi pihak pendeposit dan oleh yang

⁸⁷ Dr. Zaharuddin Abd Rahman (2018), www.elzarshariah.com.

demikian pendeposit Tabung Haji tidak perlu lagi membayar zakat ke atas wang simpanan serta agihan keuntungan yang diterima selaras dengan keputusan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-17 pada 3 Mei 1979.

Menurut akta Tabung Haji, klausa 3(a) menyatakan tiada pengagihan keuntungan boleh dilakukan Tabung Haji kecuali Lembaga Tabung Haji mesti terlebih dahulu memastikan aset tidak kurang daripada agregat liabiliti Tabung Haji. Tabung Haji melaporkan liabiliti sebanyak RM74.4 bilion berbanding aset keseluruhan RM70.3 bilion, iaitu total defisit sebanyak RM4.1 bilion, pada 31 Disember 2017. Antara puncanya adalah keuntungan Tabung Haji daripada operasi perniagaan termasuk seluruh anak syarikat serta syarikat bersekutu dan pelaburannya, semua tidak cukup banyak untuk mendahului tanggungan (liabiliti) Tabung Haji.⁸⁸

Semua pendeposit yang mengekalkan akaun simpanan yang berstatus aktif pada tahun pemberian hibah adalah layak menerima hibah. Pendeposit yang tidak layak adalah seperti pendeposit dengan akaun tidak aktif dalam tahun semasa kerana status *dorman*, pendeposit dengan akaun yang ditutup dalam tahun semasa dan pendeposit dengan akaun yang dibuka dalam bulan Disember (tidak cukup satu bulan penuh).

Akaun Pendeposit yang tidak mempunyai sebarang transaksi melebihi tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai Akaun Tidak Aktif, selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Akta Tabung Haji (1995). Terma dan syarat di bawah kontrak Wakalah (Akad Wakalah) telah menyatakan bahawa akaun adalah ditutup selepas semua baki simpanan dikeluarkan daripada akaun dan pendeposit hanya berhak kepada jumlah yang telah dikreditkan ke dalam akaun pada masa akaun tersebut ditutup.

Kontrak Pemberian Hibah Tabung Haji

Perbezaan agihan keuntungan hibah yang diisytihar pada tahun 2019 berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini. Ini adalah kerana simpanan di Tabung Haji pada tahun 2019 adalah di bawah kontrak simpanan wakalah yang menggantikan kontrak simpanan *Wadiah Yad Dhamanah* yang digunakan sebelum ini. Menerusi kontrak baru ini, Tabung Haji adalah wakil untuk menguruskan dana pendeposit bagi tujuan aktiviti pelaburan dan pengurusan haji di mana keuntungan daripada pelaburan simpanan pendeposit akan diagihkan kepada pendeposit setelah mengambikira kos haji, zakat dan kos pengurusan.

Manakala di bawah kontrak simpanan *Wadiah Yad Dhamanah* sebelum ini, Tabung Haji sebagai pemegang amanah tiada obligasi tetapi boleh atas budi bicara memberi hibah (hadiah) kepada pendepositanya.

Hibah Haji tidak diberi bagi tahun 2019 seperti tahun sebelum. Ini adalah berdasarkan keperluan kesamarataan di bawah kontrak Wakalah, agihan keuntungan diberi kepada semua pendeposit tanpa mengira mereka telah menunaikan haji atau belum. Maka tiada hibah khas haji yang diberikan.

⁸⁸ <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/faq/soalan-lazim-agihan-keuntungan-th-2019>

Asas Pemberian Hibah

Dalam asas pemberian hibah, pemberian hibah kepada pendeposit adalah berdasarkan prestasi dan kemampuan kewangan Tabung Haji tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995.

Pemberian hibah yang lebih baik didokong oleh prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik dan dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos secara berhemah.

Strategi pelaburan, tahap risiko dan tahap kecairan akan mempengaruhi kadar pulangan yang diperolehi oleh dana yang diurus oleh institusi pelaburan. Institusi pelaburan yang mempunyai visi dan misi yang berlainan akan mempunyai strategi pelaburan, tahap risiko dan tahap kecairan yang berlainan juga.

Proses Pengiraan Hibah Tabung Haji

Proses pengiraan hibah Tabung Haji adalah dengan mengambil kira purata baki simpanan terendah setiap bulan sepanjang tahun dan didarabkan dengan kadar yang ditetapkan. Pengiraan terperinci adalah seperti berikut:⁸⁹

$$\begin{aligned} & \text{Purata Baki Simpanan Terendah Bulanan} \times 3.05\% \text{ (Contoh} \\ & \text{kadar hibah) =} \\ & \text{(Baki simpanan terendah setiap bulan dari Januari-Disember} \\ & \text{2019 / Bilangan Bulan) } \times 3.05\% \end{aligned}$$

Modus Operandi Pemberian Hibah Oleh Tabung Haji

Modus operandi pemberian hibah oleh Tabung Haji adalah seperti berikut:

1. Membuat kiraan keuntungan yang diperolehi pendeposit.
2. Pihak Tabung Haji akan membayar zakat bagi keuntungan yang diperolehi.
3. Pihak Tabung Haji akan menetapkan kadar hibah yang akan diberikan dan mengenalpasti pendeposit yang layak menerima hibah.
4. Hibah akan dikredit terus ke akaun pendeposit yang aktif atau serahan secara tunai di kaunter bagi pendeposit atau waris yang telah menutup akaun pada tahun pemberian hibah dibuat berdasarkan prinsip Wakalah.

KESIMPULAN

Dari perbincangan di atas, dapat kita rumuskan bahawa proses pelaksanaan kontrak yang digunapakai oleh Tabung Haji pada tahun 2018 dengan penyimpan adalah kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah yang bererti kontrak pinjaman wang.

⁸⁹ *Ibid.*

Maka hadiah dan jumlahnya mestilah diberi secara tanpa paksa dan sukarela oleh pemberi hadiah bagi mengelakkan elemen riba.

Maka dengan itu, masyarakat secara amnya perlu memahami secara jelas hikmah pensyariatkan kontrak hibah yang banyak dijalankan dalam sistem kewangan Islam untuk mengelakkan permasalahan dan kekeliruan. Hibah disyariatkan dalam Islam dengan galakan yang mendalam adalah untuk memaut hati kalangan masyarakat Islam itu sendiri sesama mereka dan mengeratkan perasaan persaudaraan sesama manusia yang hidup dalam masyarakat Islam atau di luar masyarakat Islam.

Melalui konsep hibah itu sendiri memberi maksud pemberian tanpa balasan. Sebahagian mereka menyamakan dengan hadiah. Dengan demikian jika konsep ini diaplikasikan kepada orang perseorangan atau institusi kewangan maka amalan tersebut sangat digalakkan diberikan ganjaran pahala yang besar sisi Allah. Oleh itu mana-mana institusi kewangan yang menghibahkan sesuatu (khususnya duit) maka pihak penerima tidak berhak membuat tuntutan lebih dari apa yang diterima. Ia dianggap sebagai prerogatif bank dengan mengambil kira kedudukan kewangan yang ada.

RUJUKAN

- Al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000), *Rawdhah al-Thālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (1985), *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab* (Juz 1-Juz 9 oleh al-Nawāwī, Juz 10-Juz 12 oleh 'Alī b. 'Abd al-Kāfī al-Subki dan Juz 13-Juz 20 oleh Muhammad Najib al-Muti'i), Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Quran al-Karim, Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Al-Zuhaylī, Wahbah (2004), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, Damsyik: Dār al-Fikr.
- Alias Bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, dan Fauziah Mohd Noor (2014), Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia, *Journal of Human Development and Communication*, Volume 3: UNIMAP
- Dr. Zaharuddin Abd Rahman (2008), www.elzarshariah.com
- <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/faq/soalan-lazim-agihan-keuntungan-th-2019>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/385825/tabung-haji-umum-bonus-625-peratus>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/549172/tabung-haji-umum-hibah-125-peratus>
- <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/maklumat-am/agihan-keuntungan-th>
- Imam Abi Zakariya Mahyaddin bin Syaraf An-Nawawi, *Al-majmu' Syarhu AlMuhazab*, (2000), Lebanon: Darul Fikr, Beirut.
- M. Abdul Mujieb, Mabruari Tholhah dan Syafi'ah Am, (1997). *Kamus Istilah Fiqh*. Advance Publication

- Mohd Zamro Muda (2008), Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia. *Kertas kerja Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008*.
- Muhammad Nasri Hussain, Nasri Naiimi dan Mohd Sollehudin (2013), *Mengurus Harta Menurut Fiqh Muamalat*, Sintok: UUM Press.
- Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qusyayrī al-Nisābūrī, Abū al-Husayn (t.t), *Sahih Muslim*, Kaherah: Matba'ah Muhammad 'Ali Subayh wa Awladih.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin Mohd Nor (2012), Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 3 (2012) 309-328.
- Prof. Dr. Muhammad Az Zuhaili, (terj.Muhammad Yusof, Muhammad Harun Zain), (2009), *Al Muktamad, Fiqah Imam Shafi'I*, Jilid 3, Berlian Publications, Sdn Bhd, Selangor, m.s. 167 – 184.
- Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Teungku Muhammad Hasbi, ash-Shiddieqy, (1995), *Empat Mazhab Al-Islam 2*. Kuala Krai, Kelantan.
- Zainudin Bin Abdul Aziz al-Malbariy, (2008), *Fathul Mu'in. Perniagaan Jahabersa*.